



**MINIT MESUARAT
JAWATANKUASA KUALITI
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (JKK UPM)
KALI KE-48
SECARA ATAS TALIAN**

Tarikh : 23 Julai 2020 (Khamis)
Masa : 9.00 Pagi
Platform : Secara atas talian melalui Aplikasi Zoom Meeting
Kehadiran : Sepertimana di **Lampiran A**

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
Minit 48.0	Kata Aluan Pengerusi Pengerusi: (a) memulakan mesyuarat dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan seterusnya merakamkan ucapan terima kasih di atas kehadiran Timbalan Wakil Pengurusan (TWP) Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS), TWP Peneraju Proses (PP) dan TWP Pusat Tanggung Jawab (PTJ) serta wakil yang hadir pada Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Kali ke-48 ini; (b) merakamkan ucapan tahniah di atas pelantikan TWP merangkap ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti yang baharu, iaitu: (i) Puan Hasliza Zakaria, dilantik selaku TWP PP Pejabat TNC (Penyelidikan dan Inovasi) (TNC PI) bermula pada 01 Julai 2020; (ii) Encik Amiruddin Abd Aziz, dilantik selaku TWP PTJ Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE) bermula pada 1 Mac 2020 ekoran perubahan nama PTJ daripada Fakulti Ekonomi dan Pengurusan (FEP) kepada SPE; (iii) Puan Juita Md Tahir, dilantik selaku TWP PTJ Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar (FHAS) bermula pada 11 Mac 2020; dan (iv) Puan Noraihan Noordin, dilantik selaku TWP PTJ Fakulti Kejuruteraan (FK) bermula pada 25 Jun 2020.	Makluman Makluman

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	<p>(c) turut merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih di atas komitmen dan sumbangan mantan Ahli Jawatankuasa Kualiti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Prof. Madya Dr. Mariani Ho Nyuk Onn @ Ariffin, mantan TWP EMS yang telah berkhidmat bagi tempoh 16 April 2018 hingga penamatan pensijilan EMS UPM pada 6 Mac 2020; (ii) Dr. Mohd. Rafee Baharudin, mantan Peneraju EMS yang telah berkhidmat bagi tempoh 15 Ogos 2016 hingga penamatan pensijilan EMS UPM pada 6 Mac 2020; (iii) Encik Mohd Sopian Mohd Zin, mantan TWP PP TNC PI yang telah berkhidmat bagi tempoh 03 Februari 2020 hingga 30 Jun 2020; (iv) Puan Juita Md Tahir, mantan TWP PTJ Fakulti Pengajian Alam Sekitar (FPAS) yang telah berkhidmat bagi tempoh 13 Mac 2018 hingga 10 Mac 2020; (v) Puan Hanisah Abdul Rahman, mantan TWP PTJ Fakulti Perhutanan (FH) yang telah berkhidmat bagi tempoh 03 Februari 2020 hingga 10 Mac 2020; dan (vi) Puan Suhana Md Chairi, mantan TWP PTJ FK yang telah berkhidmat bagi tempoh 03 Januari 2020 hingga 03 April 2020. <p>(c) turut merakamkan ucapan selamat bersara kepada Encik Mustaffa Haji Dollah, Ketua Bahagian Pengurusan Kualiti Perkhidmatan, Pusat Jaminan Kualiti yang telah mula bercuti sebelum bersara wajib pada 1 November 2020.</p>	Makluman
Minit 48.1	<p>Pengesahan Minit Mesyuarat JKK Kali ke-47</p> <p>Minit Mesyuarat JKK Kali ke-47 yang telah diadakan pada 20 Februari 2020 disahkan tanpa sebarang pindaan.</p>	Makluman
Minit 48.2	<p>Perkara Berbangkit</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum dan meneliti Status Tindakan Susulan Mesyuarat JKK Kali ke-47 seperti mana pada Lampiran Agenda 3 yang telah dibentang. Mesyuarat seterusnya mengambil perhatian terhadap perkara berikut:</p>	

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
Minit 48.3	<p>(a) <u>Minit 47.4 (b)</u> – meminta semua PTJ membuat semakan melalui PortalCQA bagi mengenalpasti sama ada terdapat penemuan audit yang tiada dalam paparan TWP dan TPAD PTJ dan seterusnya memaklumkan perkara tersebut kepada pihak CQA untuk tindakan selanjutnya.</p> <p>(b) <u>Minit 47.5.1 (b)(vi)</u> – mengambil maklum bahawa petunjuk prestasi di bawah Pejabat Pendaftar iaitu “Melantik pegawai akademik dari dalam dan luar negara daripadanya graduan 100 universiti terbaik dunia/mengikut bidang kepakaran” yang diputuskan untuk digugurkan sebelum ini telah dipersetujui untuk dikekalkan bagi pengukuran tahun 2020.</p> <p>Laporan Dokumentasi</p> <p>Mesyuarat:</p> <p>(a) mengambil maklum laporan dokumentasi adalah seperti mana Lampiran Agenda 4 yang dibentang merangkumi perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Status Pelaksanaan Pindaan Dokumen ISO Tahun 2020; (ii) Status Pelaksanaan Semakan Dokumen ISO Belum Pinda dari Tahun 2011 hingga 2015; dan (iii) Status Pelaksanaan Terjemahan Dokumen ISO Skop Utama & Sokongan Pejabat Pendaftar dan Pejabat Bursar. <p>(b) mengambil maklum sehingga tarikh kuatkuasa 19 Jun 2020, sebanyak 256 dokumen ISO telah dibuat penambahbaikan melibatkan pindaan dokumen, pengguguran dokumen dan pewujudan dokumen baharu.</p> <p>(c) turut mengambil maklum sehingga kuatkuasa 19 Jun 2020, semua dokumen ISO belum pinda bagi tahun 2011 hingga 2015 yang dipantau telah berjaya dikemaskini oleh Peneraju Proses yang terlibat. Mesyuarat turut dimaklumkan, bagi memenuhi keperluan semakan setiap 5 tahun, pemantauan berikutnya akan diteruskan bagi semua dokumen ISO dengan tarikh kuatkuasa terakhir pada tahun 2016.</p>	<p>Semua TWP PP, TWP PTJ</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	<p>(d) mengambil maklum proses terjemahan dokumen SPK MS ISO 9001:2015 bagi fasa pertama yang melibatkan skop Proses Utama dan Sokongan Pejabat Pendaftar telah selesai dilaksanakan dan kesemua dokumen yang terlibat telah dikuatkuasa pada tarikh 19 Jun 2020. Manakala bagi dokumen Pejabat Bursar, proses terjemahan sedang dalam tindakan dan dijadual untuk dikuatkuasakan pada tarikh 14 Ogos 2020.</p> <p>(e) mencadangkan supaya terjemahan dokumen ISO ini diperluaskan kepada skop peneraju proses lain yang memerlukan. Rentetan daripada itu, pihak CQA akan mendapatkan maklum balas peneraju proses terlebih dahulu dengan keutamaan diberikan ke atas proses yang selalu dirujuk oleh pekerja dan pelajar antarabangsa sebelum kertas cadangan mengenainya disediakan dan dibawa untuk kelulusan Pihak Pengurusan Universiti.</p>	Makluman PKD
Minit 48.4	<p>Laporan Audit</p> <p>Mesyuarat:</p> <p>(a) mengambil maklum laporan audit ISO yang merangkumi status pelaksanaan Audit Dalaman QMS dan ISMS tahun 2020 dan pelaksanaan Audit Badan Pensijilan SIRIM QMS dan ISMS tahun 2020 adalah sepertimana Lampiran Agenda 5 yang dibentang.</p> <p>(b) mengambil maklum tarikh pelaksanaan Audit Dalaman QMS dan ISMS Tahun 2020 telah dipinda daripada 2 Mac hingga 15 Mei kepada 2 Mac hingga 28 Ogos 2020 ekoran pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan di seluruh Negara.</p> <p>(c) mengambil maklum sehingga 22 Julai 2020, sebanyak 39% PTJ telah selesai melaksanakan Audit Dalaman QMS dan 21% PTJ telah selesai melaksanakan Audit Dalaman ISMS manakala PTJ selebihnya sedang dan akan melaksanakan audit dalaman mengikut ketetapan tarikh audit dalaman PTJ masing-masing.</p> <p>(d) meminta semua TWP memastikan penemuan audit dalaman PTJ masing-masing didaftarkan ke dalam Portal CQA selewat-lewatnya pada 15 September 2020.</p>	Makluman Makluman Makluman Semua TWP PP, TWP PTJ

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	<p>(e) mengambil maklum tarikh audit SIRIM QMS dan ISMS tahun 2020 yang sebelum ini dijadualkan pada 21 September 2020 hingga 1 Oktober 2020 (QMS) dan 21 hingga 22 September 2020 (ISMS) dan 1 Oktober 2020 telah dipinda ke Penghujung November/Awal Disember dan akan dilaksanakan secara ‘Remote Audit’. Tarikh sebenar pelaksanaan akan dimaklumkan kepada semua PTJ selepas pemakluman rasmi diterima daripada pihak SIRIM. Sehubungan dengan itu, semua TWP beserta TPAD PTJ adalah diminta untuk menghadiri Taklimat Pelaksanaan “Remote Audit” oleh pihak Juruaudit SIRIM yang akan diadakan pada 2 September 2020 secara atas talian.</p> <p>(f) turut mengambil maklum audit lokasi SIRIM ISMS semasa hari pendaftaran pelajar baharu prasiswazah yang sebelum ini dijadualkan pada 01 September 2020 telah dibatalkan atas persetujuan pihak SIRIM.</p>	Semua TWP PP, TWP PTJ
Minit 48.5	<p>Laporan Pencapaian Objektif ISO</p> <p>48.5.1 Laporan Pencapaian Objektif Kualiti Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) MS ISO 9001:2015</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum tiga (3) jenis objektif kualiti yang akan menterjemahkan pencapaian yang dihasratkan menerusi Sistem Pengurusan Kualiti adalah seperti berikut:</p> <p>(a) Laporan Pencapaian Key Performance Indicator (KPI) Bagi Tempoh Januari hingga Jun Tahun 2020</p> <p>Mesyuarat:</p> <p>(i) mengambil maklum laporan pencapaian KPI tahun 2019 adalah seperti Lampiran Agenda 6 (a) (i) yang dibentang. Laporan ini merujuk kepada pembentangan semasa Bengkel Penilaian Pencapaian KPI Suku Pertama (Q1) pada 12 Mei 2020.</p> <p>(ii) mengambil maklum pencapaian keseluruhan KPI Q1 tahun 2020 berdasarkan 24 KPI yang diukur adalah sebanyak 70.6% iaitu dengan lima (5) KPI mencapai sasaran 100%, lapan (8) KPI mencapai sasaran sebanyak 75–99% dan 11 KPI berada pada tahap pencapaian 0–74%. Mesyuarat turut mengambil maklum</p>	Makluman

MINIT	AGENDA	TINDAKAN																				
	<p>sebanyak 12 lagi KPI iaitu bagi skop Hal Ehwal Pelajar dan Alumni masih belum dapat dinilai. Pecahan pencapaian KPI Q1 2020 bagi setiap skop adalah seperti berikut:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Komponen</th><th>Pencapaian (%)</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Akademik & Antarabangsa</td><td>76.96</td></tr> <tr> <td>Penyelidikan & Inovasi</td><td>49.02</td></tr> <tr> <td>Hal Ehwal Pelajar & Alumni</td><td>Belum Dinilai</td></tr> <tr> <td>Jaringan Industri & Masyarakat</td><td>35.50</td></tr> <tr> <td>Sumber Manusia</td><td>87.36</td></tr> <tr> <td>Pengurusan Kewangan</td><td>100.00</td></tr> <tr> <td>Perkhidmatan</td><td>44.12</td></tr> <tr> <td>Perpustakaan & ICT</td><td></td></tr> <tr> <td>Pertanian</td><td>85.00</td></tr> </tbody> </table> <p>(b) Laporan Pencapaian Pelan Fungsian dan Aras Bagi Tempoh Januari hingga Jun Tahun 2020</p> <p>Mesyuarat:</p> <p>(i) mengambil maklum laporan pencapaian pelan fungsian dan aras bagi tempoh Januari hingga Jun 2020 adalah sepetimana Lampiran Agenda 6 (a)(ii) yang telah dibentang.</p> <p>(ii) mengambil maklum daripada 66 petunjuk prestasi yang diukur, sebanyak 38 petunjuk prestasi mencapai sasaran, 15 petunjuk prestasi tidak mencapai sasaran manakala baki 13 petunjuk prestasi lagi masih belum dapat diukur. Senarai petunjuk prestasi yang tidak mencapai sasaran adalah seperti berikut:</p>	Komponen	Pencapaian (%)	Akademik & Antarabangsa	76.96	Penyelidikan & Inovasi	49.02	Hal Ehwal Pelajar & Alumni	Belum Dinilai	Jaringan Industri & Masyarakat	35.50	Sumber Manusia	87.36	Pengurusan Kewangan	100.00	Perkhidmatan	44.12	Perpustakaan & ICT		Pertanian	85.00	Makluman
Komponen	Pencapaian (%)																					
Akademik & Antarabangsa	76.96																					
Penyelidikan & Inovasi	49.02																					
Hal Ehwal Pelajar & Alumni	Belum Dinilai																					
Jaringan Industri & Masyarakat	35.50																					
Sumber Manusia	87.36																					
Pengurusan Kewangan	100.00																					
Perkhidmatan	44.12																					
Perpustakaan & ICT																						
Pertanian	85.00																					
		Makluman																				

MINIT	AGENDA			TINDAKAN
	Bil	Petunjuk Prestasi	Peneraju	
	2.	Peratusan staf yang menghadiri latihan 3 hari -- setahun untuk staf bukan akademik	Pejabat Pendaftar	
	3.	Peratusan pencapaian program pemantauan KKP yang dilaksanakan berada pada tahap minimum yang ditetapkan	Pejabat Naib Canselor – Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	
	4.	Proses pertimbangan permohonan akreditasi program oleh Jawatankuasa Swaakreditasi Program Pengajian dilaksanakan dalam tempoh berikut: (a) Dua (2) bulan dari tarikh pelaksanaan audit program bagi Pengerusi Panel Penilai yang mengaudit satu (1) program pengajian sahaja, (b) Tiga (3) bulan daripada tarikh pelaksanaan audit program bagi Pengerusi Panel Penilai yang mengaudit melebihi satu (1) program pengajian	Pusat Jaminan Kualiti	
	5.	Memaklumkan keputusan permohonan zakat pelajar atas talian dalam tempoh 21 hari bekerja selepas tarikh sah permohonan	Pejabat Naib Canselor – Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen	

MINIT	AGENDA			TINDAKAN
	Bil	Petunjuk Prestasi	Peneraju	
	6.	Jumlah pendapatan yang diperoleh (daripada pelaburan)	Pejabat Bursar	
	7.	Peratus membayar semua tuntutan dalam tempoh 14 hari	Pejabat Bursar	
	8.	Peratusan bahan monograf/tesis/ laporan projek/media diproses dalam tempoh 3 bulan selepas penerimaan	Perpustakaan Sultan Abdul Samad	
	9.	Mengeluarkan anak benih tanaman	Taman Pertanian Universiti	
	10.	Kutipan RM500,000.00 setahun ke Akaun Tabung Amanah PKKSSAAS	Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah	
	11.	Menerima tempahan dari pelbagai agensi kerajaan dan swasta iaitu 90 penggunaan bagi Dewan Besar dan Panggung Percubaan setahun	Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah	
	12.	Peratusan Imam/Bilal yang mematuhi jadual tugas dengan sempurna	Pusat Islam Universiti	
	13.	Tempoh pemulihan masalah sistem ICT diperbaiki secara dalaman - 4 jam bagi sistem rangkaian jika tidak melibatkan kerosakan peralatan, 5 jam bagi sistem utama Universiti, 2 hari bagi baik pulih peralatan ICT	Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi	

MINIT	AGENDA			TINDAKAN
	Bil	Petunjuk Prestasi	Peneraju	
	14.	Tempoh pemulihan masalah sistem ICT diperbaiki oleh pihak luar - 2 hari bagi sistem aplikasi dan pangkalan data, 28 hari untuk peralatan ICT	Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi	
	15.	Tempoh penerbitan buku karya asli tidak melebihi 9 bulan bagi setiap judul selepas Pengarang membuat pembetulan berdasarkan laporan Penilai	Pusat Penerbit	
	(iii)	meminta peneraju proses yang terlibat melaksanakan tindakan kawalan ketakakuran/penambahbaikan terhadap petunjuk prestasi yang tidak mencapai sasaran bagi memastikan sasaran petunjuk prestasi terlibat dapat dicapai pada penghujung tahun 2020.		TWP PP PNC, TWP PP SPS, TWP PP Pej. Pendaftar, TWP PP Pej. Bursar, TWP PP CQA, TWP PKKSSAAS, TWP PSAS, TWP TPU, TWP PIU, TWP iDEC, TWP PUPM
	(iv)	bersetuju dengan cadangan untuk menggugurkan petunjuk prestasi "peratusan rawatan pergigian" di bawah objektif kualiti "Rawatan pergigian dapat diselesaikan dalam tempoh 40 minit" atas justifikasi pengukurannya tidak dapat dilakukan dengan tepat disebabkan oleh permasalahan teknikal pada Sistem e-Klinik. Justeru, bagi tujuan penambahbaikan pengukuran tahun 2021, mesyuarat mencadangkan supaya petunjuk prestasi baharu yang akan diwujudkan bagi proses konsultansi pergigian diukur berdasarkan indeks kepuasan pelanggan (skala likert) terhadap kualiti perkhidmatan yang diterima berbanding tempoh masa perkhidmatan pergigian yang digunakan sebelum ini.		TWP PKU

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	<p>(v) bersetuju mengesahkan pencapaian pelan fungsian dan aras bagi tempoh Januari hingga Jun tahun 2020 serta meluluskan cadangan perubahan pelan fungsian dan aras tahun 2020 sepetimana yang dinyatakan dalam Lampiran Agenda 6 (a)(ii) kecuali bagi cadangan perubahan dua (2) petunjuk prestasi berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) sasaran bagi petunjuk prestasi "Mengeluarkan anak benih tanaman" di bawah peneraju proses Taman Pertanian Universiti dikekalkan kepada 15000 bil; dan (ii) cadangan perubahan petunjuk prestasi "Pencapaian di dalam Laporan Audit Pengurusan Kewangan (IA) oleh pihak Audit Negara/Bahagian Audit Dalam Universiti" diteliti semula oleh Peneraju Proses Pejabat Bursar secara bersama dengan Pejabat Naib Canselor. <p>(c) Laporan Pencapaian Piagam Pelanggan Bagi Tempoh Januari hingga Jun Tahun 2020</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Mesyuarat mengambil maklum laporan pencapaian piagam pelanggan bagi tempoh Januari hingga Jun 2020 yang merangkumi skop Perkhidmatan Utama iaitu Prasiswa, Siswazah dan Penyelidikan dan Inovasi serta Proses Sokongan adalah sepetimana pada Lampiran Agenda Agenda 6 (a) (iii) yang telah dibentang. (ii) Mesyuarat mengambil maklum sebanyak 144 piagam pelanggan bagi skop proses utama dan proses sokongan yang telah diukur bagi tempoh Januari hingga Jun 2020 melibatkan kategori proses pelaksanaan SPK di UPM adalah seperti berikut: 	KB PKP, TWP TPU, TWP Pej. Bursar
		Makluman Makluman

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	<ul style="list-style-type: none"> • Proses Utama sebanyak 25 piagam pelanggan dengan 24 mencapai sasaran dan satu (1) tidak mencapai sasaran; dan • Proses Sokongan sebanyak 119 piagam melibatkan 33 PTJ dengan 93 mencapai sasaran, 13 tidak mencapai sasaran, lapan (8) belum dapat diukur termasuk satu piagam pelanggan yang sedang dalam pengesahan PTJ dan lima (5) maklumat masih belum diperolehi daripada PTJ. <p>(iii) Mesyuarat meminta peneraju proses terlibat melaksanakan tindakan kawalan ketakakuran/ penambahbaikan terhadap piagam pelanggan yang tidak mencapai sasaran.</p> <p>(iv) Mesyuarat meminta PTJ yang masih belum menghantar laporan pencapaian piagam pelanggan bagi tempoh Januari hingga Jun 2020 supaya dapat berbuat demikian seberapa segera bagi urusan mengemaskini data.</p> <p>(v) Mesyuarat turut menyarankan semua PTJ untuk membuat semakan piagam pelanggan di Laman sesawang PTJ masing-masing bagi memastikan ianya adalah terkini sebagai persediaan untuk proses pemantauan oleh pihak Penyelaras Kepuasan Pelanggan Universiti (PKPU) pada bulan Ogos 2020.</p>	TWP PNC, TWP TNC HEPA, TWP SPS, TWP Pej. Bursar, TWP PKU, TWP INTL, TWP iDEC TWP PNC, TWP BKU Semua TWP PP, TWP PTJ

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	<p>48.5.2 Laporan Pencapaian Objektif Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Bagi Tempoh Januari Hingga Jun 2020</p> <p>Mesyuarat:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) mengambil maklum laporan pencapaian objektif ISMS bagi tempoh Januari hingga Jun 2020 adalah sepetimana pada Lampiran Agenda 6 (b) yang telah dibentang. (b) mengambil maklum kesemua tiga (3) objektif ISMS masih belum dapat diukur bagi tempoh penilaian Januari hingga Jun 2020 disebabkan tempoh pelaksanaan tindakan yang belum selesai/belum cukup tempoh bagi aktiviti berikut: <ul style="list-style-type: none"> (i) Proses pendaftaran pelajar baharu prasiswazah akan dilaksanakan pada 3 hingga 4 Ogos 2020 (Pelajar Diploma) 10 hingga 11 Oktober 2020 (Pelajar Bacelor) di Kampus Serdang dan Bintulu; dan (ii) Penilaian Pengajaran Pensyarah untuk kursus prasiswazah bagi Semester Kedua Sesi 2019/2020 masih sedang berjalan bermula 15 hingga 26 Julai 2020. 	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p>
Minit 48.6	<p>Laporan Maklum Balas Pihak Berkepentingan ISO</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Mesyuarat mengambil maklum laporan maklum balas pihak berkepentingan ISO yang merangkumi maklum balas pihak berkepentingan Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) tahun 2020 dan maklum balas pihak berkepentingan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) tahun 2020 adalah sepetimana pada Lampiran Agenda 7 yang telah dibentang. (b) Mesyuarat mengambil perhatian bahawa soal selidik pihak berkepentingan QMS tahun 2020 perlu dilaksanakan oleh peneraju terlibat bermula Mac hingga Oktober 2020 melibatkan skop dan kategori responden seperti berikut: 	<p>Makluman</p> <p>TWP TNCAA, TWP TNCPI, TWP TNC JIM</p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN		
	Bil	Skop	Kategori Responen	
	1.	Pengajaran dan Pembelajaran	i. Bakal Pelajar ii. Pelajar Tahun 2 iii. Penaja	
	2.	Penyelidikan dan Inovasi	i. Penyelidik ii. Industri	
	3.	Jaringan Industri dan Masyarakat	i. Komuniti ii. Pekerja iii. Industri	
	(c)	Mesyuarat turut mengambil perhatian soal selidik pihak berkepentingan ISMS tahun 2020 yang sedang/akan dilaksana melalui kaedah berikut:		TWP CADe, TWP TNC HEPA
	(i)	Soal Selidik Keselamatan Maklumat Penilaian Pengajaran Prasiswazah Semester Pertama Sesi 2020/2021 yang sedang berjalan bermula 15 hingga 26 Julai 2020; dan		
	(ii)	Soal Selidik Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Sesi 2020/2021 yang akan dilaksana pada 10 hingga 11 Oktober 2020.		
	(d)	Mesyuarat mengambil maklum laporan analisis soal selidik QMS dan ISMS tahun 2020 yang telah lengkap akan dibawa sebagai salah satu agenda dalam Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan UPM tahun 2020.		Makluman
Minit 48.7	Laporan Penilaian Risiko ISO			
	(a)	Mesyuarat mengambil maklum laporan penilaian risiko QMS dan ISMS tahun 2020 adalah seperti mana Lampiran Agenda 8 yang telah dibentang.		Makluman
	(b)	Mesyuarat mengambil maklum bahawa penilaian risiko QMS bagi tempoh Januari hingga Jun 2020 ditangguhkan kerana pelaksanaan tindakan oleh PTJ terjejas disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh Kerajaan.		Makluman
	(c)	Mesyuarat meminta PTJ melaksanakan semakan semula penilaian risiko operasi QMS tahun 2020 bermula 3 Ogos hingga 15 September 2020		Semua TWP PP, TWP PTJ

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	<p>merangkumi semakan semula penyataan isu dalaman/isu luaran dan risiko serta penilaian awal risiko tahun 2020 menggunakan templat e-OPRISK yang terkini yang akan dimuatnaik dalam portal eISO.</p> <p>(d) Mesyuarat dimaklumkan bahawa Pusat Jaminan Kualiti dan Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi sedang dalam proses perbincangan untuk mewujudkan satu sistem integrasi khas yang menggabungkan antara risiko strategik Universiti (KPI Universiti) dan risiko operasi QMS bagi membantu PTJ melaksanakan penilaian risiko QMS secara berpusat.</p> <p>(e) Mesyuarat mengambil maklum Penilaian Risiko ISMS pada bulan Mac 2020 yang ditangguhkan ekoran pelaksanaan PKP telah dijadualkan semula bermula 8 hingga 21 Julai 2020 dan dilaksanakan melalui Sistem MyRAM. Sesi pemurnian pelaporan akan dilaksanakan pada 24 Julai 2020 melibatkan semua pasukan ISMS seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswa (Kampus Serdang); (ii) Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswa (Kampus Bintulu); (iii) Pasukan Pusat Data; dan (iv) Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswa di Fakulti. 	Makluman
Minit 48.8	<p>Laporan Latihan Universiti</p> <p>Mesyuarat:</p> <p>(a) mengambil maklum laporan latihan Universiti adalah seperitimana Lampiran Agenda 9 yang telah dibentang.</p> <p>(b) mengambil maklum aktiviti latihan universiti seperitimana yang diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) Kali ke 530 merangkumi tiga (3) kategori seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Latihan iaitu aktiviti formal yang dijalankan secara bersemuka/dalam talian dan berkait dengan tugas hakiki pekerja; 	Makluman Makluman

MINIT	AGENDA	TINDAKAN																																																											
	<p>(ii) Sesi Pembelajaran iaitu aktiviti latihan atau pembelajaran yang berbentuk perkongsian pengetahuan yang memberi nilai tambah kepada pembangunan diri pekerja; dan</p> <p>(iii) Pembelajaran Kendiri iaitu kaedah pembelajaran yang berkonsepkan belajar atas usaha sendiri dan pembelajaran tidak bersemuka seperti pembacaan buku dan dalam talian. Kategori latihan ini memerlukan pekerja mengisi Borang Maklumat On The Job Training/ Pembelajaran Kendiri (SOK/LAT/BR02/LATIHAN 06) dan disahkan oleh penyelia.</p> <p>(c) mengambil perhatian bahawa setiap pekerja perlu menghadiri sekurang-kurangnya 18 jam latihan (3 hari) dalam setahun bagi melayakkan mereka memperolehi 5 markah penuh bagi penilaian prestasi tahunan di bawah komponen peningkatan pengetahuan dan kemahiran.</p> <p>(d) mengambil maklum statistik kehadiran latihan pekerja sehingga sukuan kedua tahun 2020 adalah seperti berikut:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th rowspan="2">Kumpulan</th> <th rowspan="2">Jumlah Keseluruhan Pekerja</th> <th rowspan="2">Jumlah Pekerja</th> <th colspan="5">Kursus Pendek</th> </tr> <tr> <th>Bil. Pekerja Yang Hadir ≥ 3 hari setahun</th> <th>%</th> <th>Bil. Pekerja Yang Hadir < 3 hari setahun</th> <th>%</th> <th>Bil. Pekerja Yang Tidak Berkursus</th> <th>%</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>JUSA</td> <td>4</td> <td>4</td> <td>4</td> <td>100</td> <td>0</td> <td>0</td> <td>0</td> <td>0</td> </tr> <tr> <td>Pengurusan & Profesional (Bukan Akademik)</td> <td>949</td> <td>827</td> <td>556</td> <td>67.23</td> <td>240</td> <td>29.02</td> <td>31</td> <td>3.75</td> </tr> <tr> <td>Pelaksana 1</td> <td>1318</td> <td>1180</td> <td>552</td> <td>46.78</td> <td>521</td> <td>44.15</td> <td>107</td> <td>9.07</td> </tr> <tr> <td>Pelaksana 2</td> <td>1782</td> <td>1701</td> <td>519</td> <td>30.51</td> <td>952</td> <td>55.97</td> <td>230</td> <td>13.52</td> </tr> <tr> <td>JUMLAH</td> <td>4053</td> <td>3712</td> <td>1631</td> <td>43.94</td> <td>1713</td> <td>46.15</td> <td>368</td> <td>9.91</td> </tr> </tbody> </table> <p>(e) meminta bantuan semua TWP untuk turut sama membuat peringatan kepada semua penyelia bagi melaksanakan penilaian keberkesanan latihan yang dihadiri oleh pekerja dibawah seliaan mereka bagi membolehkan pihak peneraju latihan membuat analisis keberkesanan latihan Universiti secara lebih menyeluruh.</p>	Kumpulan	Jumlah Keseluruhan Pekerja	Jumlah Pekerja	Kursus Pendek					Bil. Pekerja Yang Hadir ≥ 3 hari setahun	%	Bil. Pekerja Yang Hadir < 3 hari setahun	%	Bil. Pekerja Yang Tidak Berkursus	%	JUSA	4	4	4	100	0	0	0	0	Pengurusan & Profesional (Bukan Akademik)	949	827	556	67.23	240	29.02	31	3.75	Pelaksana 1	1318	1180	552	46.78	521	44.15	107	9.07	Pelaksana 2	1782	1701	519	30.51	952	55.97	230	13.52	JUMLAH	4053	3712	1631	43.94	1713	46.15	368	9.91	Makluman
Kumpulan	Jumlah Keseluruhan Pekerja				Jumlah Pekerja	Kursus Pendek																																																							
		Bil. Pekerja Yang Hadir ≥ 3 hari setahun	%	Bil. Pekerja Yang Hadir < 3 hari setahun		%	Bil. Pekerja Yang Tidak Berkursus	%																																																					
JUSA	4	4	4	100	0	0	0	0																																																					
Pengurusan & Profesional (Bukan Akademik)	949	827	556	67.23	240	29.02	31	3.75																																																					
Pelaksana 1	1318	1180	552	46.78	521	44.15	107	9.07																																																					
Pelaksana 2	1782	1701	519	30.51	952	55.97	230	13.52																																																					
JUMLAH	4053	3712	1631	43.94	1713	46.15	368	9.91																																																					
Minit 48.9	<p>Laporan Pengurusan Rekod Universiti</p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum laporan pengurusan rekod Universiti adalah sepetimana Lampiran Agenda 10 yang telah dibentang.</p>	Makluman																																																											

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	<p>(b) Mesyuarat turut mengambil maklum Pejabat Pendaftar akan bekerjasama dengan pihak Arkib Negara Malaysia bagi mengeluarkan Jadual Pelupusan Rekod (JPR) Fungsian UPM bagi kod klasifikasi fail berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) 600 - Akademik (ii) 700 - Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (iii) 800 - Penyelidikan <p>(c) Mesyuarat meminta semua TWP mengambil perhatian berhubung perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) merujuk Laman Web Pejabat Pendaftar untuk memuat turun klasifikasi fail UPM yang terkini termasuk format penulisan nombor fail; dan (ii) menggunakan kod klasifikasi fail UPM yang terkini dalam urusan surat menyurat dan mengemaskini prosedur pada bahagian rekod supaya selaras dengan klasifikasi fail terkini. <p>(d) Mesyuarat dimaklumkan Pejabat Pendaftar akan memantau PTJ yang masih belum menggunakan kod klasifikasi fail UPM yang terkini dan pelaporan mengenainya akan dibawa dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti akan datang.</p>	Makluman Semua TWP PP, TWP PTJ PRJU
Minit 48.10	Hal-hal Lain	
	<p>48.10.1 Pembatalan Sambutan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan (HKIP) & Tiada Pemberian Anugerah/Hadiah HKIP UPM Tahun 2020</p> <p>Mesyuarat:</p> <p>(a) mengambil maklum Sambutan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan (HKIP) UPM Tahun 2020 yang sebelum ini dijadualkan pada 10 November 2020 telah dibatalkan, dan selaras dengan itu juga tiada sebarang pemberian anugerah/hadiah HKIP akan diberikan pada tahun 2020. Perincian laporan adalah seperti pada Lampiran Agenda 11 (a) yang telah dibentang.</p> <p>(b) dimaklumkan Mesyuarat JPU Kali ke-711 pada 17 Jun 2020 telah bersetuju untuk membatalkan Sambutan HKIP 2020 dan tiada</p>	Makluman Makluman

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	<p>pemberian anugerah/hadiah HKIP bagi tahun 2020 berdasarkan justifikasi berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) melibatkan perhimpunan dalam skala yang besar dalam kalangan pekerja UPM yang mana tidak mematuhi peraturan kawalan yang ditetapkan oleh Kerajaan bagi mencegah penularan wabak COVID-19; (ii) aktiviti dan gerak kerja Pusat Tanggungjawab (PTJ) bagi melaksanakan tindakan berdasarkan kriteria anugerah tidak dapat dilaksanakan dan terjejas oleh kerana tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan oleh kerajaan; dan (iii) penilaian anugerah/hadiah tidak dapat dilaksanakan oleh Peneraju kerana data/pemarkahan bagi kriteria untuk dinilai memerlukan tempoh masa yang sesuai. Hanya dua (2) anugerah/hadiah HKIP yang dikenalpasti boleh dibuat penilaian manakala 10 lagi anugerah/hadiah tidak dapat melaksanakan tindakan dan penilaian kerana jangka masa yang tidak mencukupi disebabkan pelaksanaan PKP oleh Kerajaan. 	
<p>48.10.2 Pemakaian Panduan Pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) UPM Edisi Pertama (2020)</p> <p>Mesyuarat:</p>	<p>(a) mengambil maklum laporan pemakaian Panduan Pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) UPM Edisi Pertama (2020) adalah seperintima Lampiran Agenda 11 (b) yang telah dibentang.</p> <p>(b) mengambil maklum Mesyuarat JPU Kali ke-694 pada 29 Januari 2020 telah meluluskan penjenamaan semula pelaksanaan Amalan Persekutaran Berkualiti 5S UPM kepada Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) bermula tahun 2021.Pemakluman berhubung</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	<p>Perkara ini telah dibuat kepada semua Ketua PTJ melalui surat bertarikh 13 Februari 2020.</p> <p>(c) mengambil maklum pemakaian Panduan EKSA UPM Edisi Pertama (2020) telah dihebahkan melalui tiga saluran hebahan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Emel kepada semua Penyelaras EKSA PTJ pada 16 Julai 2020; (ii) Emel menerusi INFO@UPM pada 17 Julai 2020; dan (iii) Paparan dalam Portal Sistem Pengurusan ISO (eISO) UPM. <p>(d) meminta semua PTJ merujuk kepada Panduan EKSA yang telah dibangunkan bagi memastikan proses dan tindakan yang perlu dilaksana untuk peralihan Amalan 5S kepada EKSA pada tahun 2021 di PTJ masing-masing dapat berjalan lancar.</p> <p>(e) turut mengambil maklum peratusan peralihan 5S kepada EKSA yang disasarkan bagi persediaan penilaian HKIP 2021 adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Sekurang-kurangnya 60% peralihan bagi PTJ bersaiz besar dengan syarat pelaksanaannya perlu meliputi semua ruang yang wajib dinilai dan fasa pelaksanaan berikutnya sehingga lengkap peralihan perlu dinyatakan dalam carta perbatuan EKSA PTJ; dan (ii) 100% peralihan bagi PTJ bersaiz sederhana dan kecil. 	Makluman Semua TWP PP, TWP PTJ Makluman
Minit 48.11	<p>Penangguhan Mesyuarat</p> <p>Pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih sekali lagi kepada semua ahli mesyuarat yang hadir ke mesyuarat kali ini.</p> <p>Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.50 pagi dengan bacaan Tasbih Kaffarah dan Surah Al-Asr.</p>	Makluman

Lampiran A

SENARAI KEHADIRAN

Tarikh : 23 Julai 2020 (Khamis)
 Masa : 9.00 Pagi
 Platform : Secara atas talian melalui Aplikasi Zoom Meeting

Kehadiran

Bil.	Nama	Jawatan/PTJ
1.	Prof. Dr. Amin bin Ismail	Pengarah, Pusat Jaminan Kualiti/ Pengerusi Mesyuarat
2.	Prof. Dr. Noor Azman bin Ali	Timbalan Pengarah, Pusat Jaminan Kualiti
3.	Encik Krishnan a/l Mariappan	TWP ISMS/ Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi
4.	Encik Shahriman bin Hashim	TWP (PP), Pejabat Naib Canselor
5.	Puan Hasliza Zakaria	TWP (PP), Pejabat TNC (Penyelidikan dan Inovasi)
6.	Puan Siti Rozana binti Supian	TWP (PP), Pejabat TNC (Jaringan Industri dan Masyarakat)
7.	Puan Zainaf binti Udin	TWP (PP), Sekolah Pengajian Siswazah
8.	Puan Nor Adida binti Ab Khalid	TWP (PP), Pejabat Pendaftar
9.	Puan Izariahwati binti Mohd Isa	TWP (PP), Pejabat Bursar
10.	Puan Nurhanisah binti Sadun	TWP (PP), Pusat Jaminan Kualiti/ Ketua Bahagian Pengurusan Kualiti Akademik dan Akreditasi (KBPKAA), Pusat Jaminan Kualiti
11.	Encik Ahmad Nizam bin Abdullah	TWP (PP), Pusat Pembangunan Akademik
12.	Encik Rosmi bin Othman	TWP (PP), Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi
13.	Encik Mohd Zamanu Al-Mohtadi bin Ekhwan	TWP (PP), Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset
14.	Encik Mohd Khairul bin Zainal Abidin	TWP (PP), Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
15.	Encik Roslan bin Parjo	TWP (PP), Pusat Kesihatan Universiti
16.	Encik Alzasha Illiyyin bin Zainal Alam	TWP (PP), Pusat Islam Universiti
17.	Encik Ibrahim bin Hassan	TWP (PP), Bahagian Keselamatan Universiti
18.	Puan Nurazlin binti Jaafar	TWP (PP), Kolej Kediaman
19.	Encik Ludinata bin Misnun	TWP (PP), Fakulti Perubatan Veterinar
20.	Encik Abdul Ghaffar bin Othman	TWP (PP), Taman Pertanian Universiti

Bil.	Nama	Jawatan/PTJ
21.	Encik Abd Razak bin Ahmad	TWP (PP), Pusat Penerbit UPM
22.	Cik Syaakiratul Hasanah binti Rossidi	TWP (PP), Pusat Pemajuan Kompetensi Bahasa
23.	Puan Salinah @ Lina binti Junid	TWP (PTJ), Fakulti Pertanian
24.	Puan Juita binti Md Tahir	TWP (PTJ), Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar
25.	Encik Amiruddin bin Abd Aziz	TWP (PTJ), Sekolah Perniagaan dan Ekonomi
26.	Puan Noraihan binti Noordin	TWP (PTJ), Fakulti Kejuruteraan
27.	Encik Hisyamuddin bin Hashim	TWP (PTJ), Fakulti Sains
28.	Puan Besek Intan Zafina binti Basok	TWP (PTJ), Fakulti Ekologi Manusia
29.	Puan Zuraidah binti Ahmad	TWP (PTJ), Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
30.	Encik Wan Mohd Radzi bin Haji Wan Ismail	TWP (PTJ), Fakulti Rekabentuk dan Senibina
31.	Encik Mohd Hairi bin Abd Aziz	TWP (PTJ), Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat
32.	Encik Suhaifi bin Sulaiman	TWP (PTJ), Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul
33.	Encik Mhd. Hussin bin Abdul Rahim	TWP (PTJ), Institut Biosains
34.	Encik Din bin Ayup	TWP (PTJ), Institut Teknologi Maju
35.	Puan Farah Deena binti Zainol	TWP (PTJ), Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia
36.	Puan Wan Nahariah binti Wan Tahir	TWP (PTJ), Institut Penyelidikan Produk Halal
37.	Cik Aidawati binti Ramali	TWP (PTJ), Institut Perhutanan Tropika dan Produk Hutan
38.	Encik Zamre bin Yaacob	TWP (PTJ), Institut Pengajian Sains Sosial
39.	Puan Rina Mazni binti Musa	TWP (PTJ), Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan
40.	Encik Mohd Fakhrulddin bin Ismail	TWP (PTJ), Institut Antarabangsa Akuakultur dan Sains Akuatik
41.	Encik Mohd. Nazri bin Md. Yasin	TWP (PTJ), Hospital Pengajar
42.	Puan Shamriza binti Shari	Pegawai Kawalan Dokumen (PKD), Pusat Jaminan Kualiti
43.	Puan Rozi binti Tamin	Penyelaras Audit Dalaman (PAD), Pusat Jaminan Kualiti

Bil.	Nama	PTJ
44.	Encik Muhamazam bin Mansor	Pegawai Rekod Jabatan Universiti (PRJU), Pejabat Pendaftar
45.	Cik Norzaina binti Darus	Penyelaras Kepuasan Pelanggan Universiti (PKPU), Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi

Turut Hadir

Bil.	Nama	PTJ
1.	Puan Lailawati binti Bakar	Wakil TWP (PP), Pejabat TNC (Akademik dan Antarabangsa)
2.	Puan Rosiha binti Abdul Razak	Wakil TWP (PP), Pejabat TNC (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
3.	Puan Morni Yati binti Ibrahim	Wakil TWP (PP), Perpustakaan Sultan Abdul Samad
4.	Encik Muhamad Asyraf bin Arshad	Wakil TWP (PP), Pejabat Penasihat Undang-Undang
5.	Puan Ida Suhaila binti Md Tahir	Wakil TWP (PP), Pusat Antarabangsa
6.	Encik Wan Nazreen Ezuan bin Mohd Nawi	Wakil TWP (PTJ), Fakulti Pengajian Pendidikan
7.	Encik Md. Nizam bin Mahat@Ibrahim	Wakil TWP (PTJ), Fakulti Sains dan Teknologi Makanan
8.	Puan Fadzlina binti Amir Shapuddin	Wakil TWP (PTJ), Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
9.	Encik Abdul Mohammad bin Omar	Wakil TWP (PTJ), UPM Kampus Bintulu
10.	Puan Nur Sumirah binti Imani Zania	Wakil TWP (PTJ), Institut Penyelidikan Matematik
11.	Puan Siti Khadijah binti Ahmad	Wakil Penyelaras Latihan Staf (PLS), Pejabat Pendaftar
12.	Puan Nabiha binti Abdol Razak	Bahagian Kemasukan dan Bahagian Urus Tadbir Akademik
13.	Puan Wan Suzaimas binti Wan Sulaiman	Pejabat Bursar
14.	Encik Mohd Sopian bin Mohd Zain	Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset
15.	Encik Mohd Radzi bin Mahidin	Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul
16.	Encik Fauzi bin Mohd Yusof	Fakulti Sains dan Teknologi Makanan
17.	Puan Nurul 'Aifaa binti Abdul Shukor	Hospital Pengajar, UPM

Tidak Hadir (Dengan Kenyataan)

Bil.	Nama	PTJ
1.	Encik Mustaffa bin Haji Dollah	Ketua Bahagian Pengurusan Kualiti Perkhidmatan (KB PKP), Pusat Jaminan Kualiti
2.	Tuan Haji Rosdi bin Wah	TWP (PP), Pejabat TNC (Akademik dan Antarabangsa)
3.	Puan Noorizai binti Haji Mohamad Noor @ Mohamad	TWP (PP), Pejabat TNC (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
4.	Tuan Haji Amran bin Zakaria	TWP (PP), Pusat Asasi Sains Pertanian
5.	Encik Shaifol Yazam bin Mat	TWP (PP), Perpustakaan Sultan Abdul Samad
6.	Puan Nariza binti Mohd Elias	TWP (PP), Pejabat Penasihat Undang-Undang
7.	Puan Fairuz Bawaze'er binti Muchtar	TWP (PTJ), Pusat Antarabangsa
8.	Encik Mohd Pauzi bin Abdul Karim	TWP (PTJ), Fakulti Pengajian Pendidikan
9.	Puan Sarah Salwah binti Adnan	TWP (PTJ), Fakulti Sains dan Teknologi Makanan
10.	Encik Mohd Aris Fadzilah bin Abdullah	TWP (PTJ), Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
11.	Encik Sudirman bin Asmadi	TWP (PTJ), UPM Kampus Bintulu
12.	Puan Nurul Hidayah binti Samadi	TWP (PTJ), Institut Penyelidikan Matematik
13.	Encik Mustapha Kamal bin Tahir	TWP (PTJ), Institut Kajian Perladangan
14.	Cik Nor Azizah bint Tamasi	Penyelaras Latihan Staf (PLS), Pejabat Pendaftar
15.	Puan Saliza binti Mustafa	Sekretariat JK Kerja Pengurusan Risiko UPM, Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi